

senibudaya

Politeknik Kota Kinabalu lakar sejarah gemilang

info

Senarai pemenang Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018

- 1. **Pertandingan Nyanyian Duet Lagu Patriotik**
Johan - Politeknik Kota Kinabalu
- 2. **Pertandingan Melukis Potret Tokoh**
Johan - Politeknik Ibrahim Sultan
- 3. **Pertandingan Solekan Berkarakter**
Johan - Politeknik Seberang Prai
- 4. **Pertandingan Dikir Barat**
Johan - Politeknik Kota Kinabalu

➔ Kali pertama dinobatkan juara keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka Politeknik /Kolej Komuniti

Oleh **Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

Shah Alam

Politeknik Kota Kinabalu melakar sejarah apabila buat kali pertama dinobatkan pemenang keseluruhan Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka, Politeknik dan Kolej Komuniti 2018, di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) di sini, baru-baru ini.

Lebih manis lagi, Politeknik Kota Kinabalu turut merangkul lapan kemenangan lain termasuklah men-

juarai pertandingan dikir barat dan nyanyian duet lagu patriotik.

Tempat kedua keseluruhan pula menjadi milik PSA manakala Politeknik Kota Bharu, Kelantan pemenang tempat ketiga.

Hadiah kepada pemenang keseluruhan disampaikan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Prof Datuk Dr Mohd Ismail Abd Aziz yang turut merasmikan majlis penutup festival berkenaan.

Yang turut hadir, Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail.

Tidak menjangka

Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka Politeknik Malaysia mula diperkenalkan pada 2011 di Politeknik Ungku Omar bagi mewujudkan platform untuk menjalinkan perpaduan dan menanam sikap cintakan negara dalam kalangan pelajar melalui kebudayaan, warisan serta kesenian.

Sempena festival itu, pelbagai acara diadakan termasuk dikir barat, solekan berkarakter, nyanyian lagu

patriotik, pertandingan foto-grafi dan potret.


Sementara itu, jurulatih dikir barat bagi pasukan Gema Pendita daripada Politeknik Kota Kinabalu, berkata pihaknya tidak menjangka akan dipilih sebagai johan dikir barat apatah lagi menggondol anugerah utama johan keseluruhan festival.

"Mungkin ramai yang terkejut apabila pasukan Kota Kinabalu dinobatkan sebagai juara pertandingan yang sinonim dengan masyarakat Kelantan ini, tetapi saya percaya kerja keras dan latihan berterus daripada semua ahli pasukan menyumbang kepada kejayaan ini.

"Kami mengambil masa selama lima minggu untuk sesi latihan yang dibimbing oleh pasukan dikir barat di Kota Kinabalu iaitu Qirat Laksamana dan ternyata komitmen daripada pelajar membuahkan hasil membanggakan apabila dipilih sebagai juara keseluruhan dan memenangi empat lagi anugerah dalam pertandingan dikir barat kali ini," katanya.



Peserta mengibarkan Jalur Gemilang sambil menyanyikan lagu patriotik pada Majlis Penutup Festival Kebudayaan dan Semarak Merdeka 2018 di PSA, Shah Alam.



Mohd Ismail (tengah) bersama johan pertandingan dikir barat, Kumpulan Gema Pendita daripada Politeknik Kota Kinabalu selepas majlis penyampian hadiah.



Mohd Ismail (kanan) memeriksa perbarisan



Antara persembahan pelajar yang memikat penonton.